

BH. 13/9/2017
ms. 17

Isu tanah wakaf patut ditangani peringkat Pusat



Kanun Tanah Negara yang ketika ini masih mengikut undang-undang Inggeris, dipinda bagi membolehkan isu tanah wakaf dapat ditangani pada peringkat Pusat”

Julaini Mohd Salleh
Perunding Wakaf



Ipoh: Tanah wakaf bernilai jutaan ringgit masih terbiar kerana majlis agama Islam negeri sebagai pemegang amanah aset berkenaan, tidak memiliki dana mencukupi dan kepakaran bagi membangunkannya.

Perunding Wakaf, Datuk Julaini Mohd Salleh, berkata ia mengakibatkan potensi tanah berkenaan yang mampu menjana berbilion-bilion ringgit jika dibangunkan, tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kepentingan ummah dan pewakaf.

“Jika mahu bekerjasama dengan pemaju hartanah agak sukar kerana mereka biasanya bersikap memilih. Tambahan pula tanah wakaf kurang menarik daripada

sudut komersial kerana jika dibina rumah, pembeli rumah itu tidak dapat geran hak milik (individu),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel pada Sidang Pleno mengenai Wakaf pada Dialog Pangkor 2017 di sini, semalam.

Syor pinda Kanun Tanah Negara

Julaini mencadangkan agar Kanun Tanah Negara yang ketika ini masih mengikut undang-undang Inggeris, dipinda bagi membolehkan isu tanah wakaf dapat ditangani pada peringkat Pusat dan bukan dikuatkuasakan hanya pada peringkat negeri seperti sekarang.

Beliau memberi contoh di Singapura yang undang-undang ta-

nah di negara itu digubal bagi membolehkan tanah wakaf diuruskan dengan cekap.

Pengarah Eksekutif Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa untuk Kewangan Islam (ISRA), Prof Dr Mohamad Akram Laldin yang turut menjadi ahli panel sesi itu pula berkata, ISRA sudah membangunkan beberapa model pengurusan wakaf bagi membolehkan aset itu dibiayai dan diuruskan dengan cekap.

Katanya, antara instrumen utama dalam model berkenaan ialah pengeluaran sukuk untuk wakaf yang agak berbeza dengan sukuk sedia ada kerana sukuk wakaf memerlukan pelabur yang memberi keutamaan terhadap amal jariah.